

Meneroka Faktor Resilien dalam Kalangan Remaja Hamil Tanpa Nikah yang Tinggal di Pusat Perlindungan

(Exploration of Resilience Factors among Unwed Teenage Mothers Living in Shelter Homes)

Noraffy Ahmad¹

Nasrudin Subhi*¹

¹*Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor.*

*Corresponding e-mail: [nas2572@ukm.edu.my]

The phenomenon of unwed teenage mothers across the world including in Malaysia is alarming. Therefore, the Malaysian Government had taken a few measures in order to curb this problem. However, statistics shows that teenage pregnancy and baby dumping cases were still increasing. This research was conducted to explore factors influencing resilience among unwed teenage mothers living in a shelter home. This qualitative study using in depth interviews as means in collecting data. A total number of five teenage mothers living in a shelter home were chosen as informants in the current study using purposive sampling technique. Analysis of the data was conducted using thematic analysis where patterns of theme found were grouped together in order to form a final theme. The study revealed that there are three major factors that affect resilience adaptation among the informants. The factors include family processes, community processes, and individual attributes. These factors could serve as either risk factors or protective factors depending on their impact towards the informants. Thus, it is suggested that the management of shelter homes collaborate with professionals such as psychologists and social workers in developing a holistic module which comprised all three resilience factors in order to reduce the probability of relapsed among ex-residence of shelter homes. In the meantime, suggestions for future research were also provided.

Keywords: unwed teenage mothers, Resilience, Shelter home, Risk factors, Protective factors

Di Malaysia, isu hamil tanpa nikah dalam kalangan remaja saban hari kian membimbangkan. Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2016 mendedahkan sebanyak 3,980 atau 28.8 peratus daripada 13,831 remaja berusia 10 hingga 19 tahun mengandungi anak luar nikah. Laporan statistik yang sama turut mendedahkan bahawa sejak tahun 2011 hingga 2013 sebanyak 18,000 remaja hamil telah mendapatkan perkhidmatan di klinik

kesihatan kerajaan dalam setahun dan 25 peratus daripada 18, 000 remaja hamil tersebut tidak berkahwin. Rentetan itu, jumlah kes pembuangan bayi yang dicatatkan sejak 2011 hingga Jun 2015 juga turut meningkat secara mendadak iaitu sebanyak 432 kes.

Menurut statistik terkini yang dikeluarkan Jabatan Pendaftaran Negara, sebanyak

4,992 kanak-kanak tidak sah taraf telah dilahirkan oleh remaja perempuan berusia 18 tahun ke bawah pada tahun 2017 dan terdapat juga 120 kes buang bayi dilaporkan pada tahun yang sama. Sehingga Jun 2018, seramai 1,664 kanak-kanak tidak sah taraf telah dilahirkan oleh ibu bawah umur di seluruh Malaysia (Utusan Online, 2016).

Mengulas isu tersebut, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail yang merupakan mantan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan bahawa angka yang membimbangkan itu menunjukkan betapa pentingnya peranan keluarga dalam membendung aktiviti tidak bermoral daripada menjadi lebih teruk dalam kalangan generasi muda. Selain itu, beliau juga turut menyatakan bahawa tanggungjawab untuk membendung kegiatan seksual tidak bermoral dalam kalangan remaja di negara ini perlu dipikul oleh semua pihak termasuk kerajaan, komuniti, ibu bapa, guru dan remaja itu sendiri (Berita Harian Online, 2018).

Malaysia merupakan sebuah negara Asia yang sehingga kini masih lagi mengekalkan adat ketimuran dan mementingkan aspek kesopanan, maruah serta kesucian seorang wanita. Justeru, isu hamil tanpa nikah masih lagi dianggap sebagai suatu ‘taboo’ atau isu sensitif kerana perbuatan tersebut adalah bertentangan dengan adat dan budaya masyarakat timur terutamanya bagi [mereka](#) yang beragama Islam. Oleh itu, bagi remaja-remaja yang terjebak dengan gejala hamil tanpa nikah, kebanyakan mereka tidak mendapat sokongan sosial yang sewajarnya daripada keluarga dan akhirnya dibuang daripada keluarga atau dimasukkan ke pusat perlindungan untuk menyembunyikan perkara tersebut demi menjaga maruah keluarga.

Oleh itu, situasi tersebut mampu memberi tekanan serta mempengaruhi tahap perkembangan psikologikal remaja hamil tanpa nikah. Menurut Siti Nor Arwina et

al. (2019), kebanyakan remaja hamil tanpa nikah terutamanya yang beragama Islam, cenderung untuk mengalami masalah kesihatan mental seperti tekanan, kemurungan dan kebimbangan. Hal ini kerana, mereka sering dihantui emosi negatif seperti malu dan merasa bersalah kerana telah mengecewakan keluarga mereka. Dalam menghadapi situasi tertekan tersebut, remaja diharapkan dapat bangkit untuk mencapai kehidupan yang lebih baik dengan adanya tahap resiliensi yang tinggi.

Menurut Lazarus (2004), resiliensi merujuk kepada tahap kesejahteraan psikologikal serta kemampuan seseorang individu untuk bangkit semula setelah melalui suatu tempoh atau peristiwa yang sukar dan memberi tekanan. Tahap resiliensi sememangnya merupakan satu faktor yang sangat signifikan dalam mempengaruhi kesejahteraan psikologikal seseorang individu terutama sekali golongan remaja. Hal ini kerana, tahap resiliensi yang tinggi mampu menjadikan individu protektif serta meningkatkan kemampuan individu untuk berdaya tindak serta berhadapan dengan tekanan yang dialami (Nadia & Wiwin, 2014).

Menurut Khanlou dan Wray (2014), perbincangan mengenai isu resiliensi sering berkait dengan dua faktor utama iaitu faktor risiko dan juga faktor pelindung. Hal ini kerana, tahap resiliensi sering melibatkan elemen *adversity* (penderitaan) sebagai faktor risiko dan penyesuaian positif (*positive adjustment*) yang merujuk kepada faktor pelindung ketika berhadapan dengan sesuatu tekanan.

Faktor risiko merujuk kepada faktor-faktor yang mampu meningkatkan potensi risiko bagi individu dan juga kemungkinan untuk individu berperilaku negatif ketika berhadapan dengan situasi yang menekan (Karina, 2014). Menurut Nasution (2011), faktor risiko ini boleh berpunca daripada pelbagai sumber termasuklah sumber

dalam yang merujuk kepada diri individu itu sendiri atau dipengaruhi oleh sumber luaran seperti ahli keluarga.

Kajian oleh Nor Jana, Dufaker, Eriksson dan Ghazinour (2014) menunjukkan bahawa kebanyakan remaja hamil tanpa nikah terpaksa berhadapan cabaran untuk merahsiakan kehamilan daripada orang-orang sekeliling, memendam perasaan dan tidak diterima oleh masyarakat. Hal ini menyebabkan remaja tersebut merasa terasing, terperangkap, merasa dirinya tidak berharga dan keliru sama ada ingin mengekalkan kandungan atau tidak. Manakala, kajian oleh Rohany et al. (2015) pula melaporkan bahawa, kebanyakan remaja hamil tanpa nikah kurang mendapat sokongan sosial daripada individu di sekeliling mereka. Justeru mereka cenderung untuk merasa kesunyian dan berisiko mengalami masalah kesihatan mental seperti kemurungan jangka panjang.

Khusus bagi mereka yang tinggal di pusat-pusat perlindungan pula, keadaan persekitaran di sana seperti undang-undang yang terlalu ketat, hubungan yang tidak baik dengan staf pusat perlindungan serta isu kebolehpercayaan sesama penghuni di pusat perlindungan juga boleh menjadi faktor risiko kepada remaja hamil tanpa nikah (Nor Jana et al., 2013).

Faktor pelindung pula merupakan satu faktor yang terhasil dengan adanya elemen penyesuaian positif dalam diri individu. Faktor ini membantu individu untuk berhadapan penderitaan dengan lebih baik atau melindungi individu daripada faktor-faktor risiko yang lain. Menurut Nasution (2011), kepentingan utama faktor ini adalah untuk membantu individu memodifikasi kesan negatif yang diterima daripada persekitaran kepada sesuatu yang lebih baik dan akhirnya meningkatkan tahap resilien dalam diri individu tersebut.

Menurut kajian oleh Siti Nadhiroh (2016), terdapat hubungan yang signifikan antara

sokongan sosial ibu bapa dengan tahap resilien dalam kalangan remaja hamil tanpa nikah. Hal ini membuktikan, sokongan sosial merupakan salah satu faktor pelindung yang boleh membantu meningkatkan tahap resilien dalam kalangan remaja hamil tanpa nikah. Selain itu, tahap pendidikan yang tinggi dan tret personaliti positif juga boleh berfungsi sebagai faktor pelindung yang dapat membantu meningkatkan tahap resilien dalam diri remaja hamil tanpa nikah (Paiesa, 2017).

Haningrum et al. (2014) turut menjalankan kajian untuk mengenal pasti faktor-faktor pelindung yang mampu meningkatkan tahap resilien dalam kalangan remaja hamil tanpa nikah. Hasil kajian turut mendapati faktor-faktor pelindung seperti sokongan sosial daripada ibu bapa, keluarga dan rakan-rakan mampu meningkatkan tahap resilien dalam diri informan.

Menurut McCarthy (2009), terdapat tiga faktor utama yang boleh mempengaruhi tahap resilien dalam diri seseorang iaitu faktor keluarga, faktor komuniti/persekitaran dan faktor individu. Setiap satu daripada tiga faktor ini boleh menjadi faktor risiko atau faktor pelindung bagi individu bergantung kepada kesan yang diberikan terhadap individu tersebut. Justeru, kertas kerja ini bertujuan untuk meneroka faktor-faktor yang mempengaruhi resilien dalam kalangan ibu hamil luar nikah yang tinggal di pusat perlindungan.

Metod

Kajian ini telah dijalankan di sebuah pusat perlindungan wanita yang terletak di Lembah Klang. Informan kajian terdiri daripada lima orang penghuni di pusat perlindungan tersebut yang berumur di antara 20 hingga 24 tahun yang kesemuanya berbangsa Melayu dan beragama Islam. Pemilihan informan

kajian ini dilakukan melalui kaedah persampelan bertujuan. Melalui kaedah ini, setiap informan perlulah memenuhi ciri-ciri tertentu: (1) telah menjadi penghuni di pusat perlindungan tersebut melebihi tempoh satu bulan, (2) berumur antara 18 hingga 24 tahun ketika ditemu bual, (3) pernah melalui pengalaman hamil tanpa nikah atau sedang hamil tanpa nikah dan (4) dapat berkomunikasi dengan baik.

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif sepenuhnya dengan menggunakan kaedah kajian kes bagi meneroka faktor-faktor resilien informan kajian. Soalan separa berstruktur digunakan sebagai panduan semasa temu bual dijalankan. Sesi temu bual bersama kelima-lima informan kajian telah dijalankan pada 6 Mei 2019 bermula dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang. Kesemua informan bersetuju untuk terlibat dalam kajian ini secara sukarela dan kesemua mereka telah memberikan persetujuan termaklum. Perakam audio digital telah digunakan bagi tujuan merakam temu bual. Setiap sesi temu bual mengambil masa kira-kira satu jam hingga 1.30 jam. Proses temu bual dijalankan secara individu untuk memberi ruang kepada informan meluahkan isu dan cabaran yang dialami dengan lebih selesa serta memastikan sesi temu bual dapat dijalankan dengan berkesan. Proses temu bual ini dijalankan di sebuah bilik kaunseling yang disediakan di pusat perlindungan tersebut.

Analisis dijalankan secara tematik di mana tema-tema bebas yang muncul telah diguguskan dan dimurnikan bagi menghasilkan tema akhir. Menurut Braun dan Clarke (2006), terdapat enam fasa yang boleh dijadikan garis panduan oleh pengkaji dalam melakukan proses analisis data secara tematik. Pada fasa pertama, pengkaji membiasakan diri dengan data melalui cara - cara seperti membaca verbatim setiap informan berkali-kali

sehingga pengkaji benar-benar memahami dengan jelas setiap maklumat yang disampaikan oleh informan. Seterusnya, pengkaji mula menyusun data yang diperolehi secara lebih lebih tersusun dan sistematik. Setelah mengenal pasti maklumat-maklumat yang dianggap berkait rapat dengan persoalan kajian, pengkaji mula membina tema-tema yang bersesuaian untuk data tersebut.

Pada fasa keempat, pengkaji melakukan proses menggabungkan atau menghubungkan tema-tema yang dibina pada fasa sebelum ini untuk mendapatkan data yang lebih tepat dan tepu. Kelima, pengkaji mengenal pasti intipati setiap tema yang telah dibina. Akhir sekali, pengkaji menyediakan laporan ringkas yang menjelaskan tentang tiga tema utama yang muncul iaitu faktor keluarga, faktor komuniti atau persekitaran dan faktor individu.

Kebolehpercayaan atau *trustworthiness* dalam kajian berbentuk kualitatif mampu memberi gambaran sama ada proses persampelan, pengumpulan data, dan analisis data dilakukan dengan baik atau tidak bagi menjawab persoalan kajian (Nor Jana et al., 2013). Bagi meningkatkan tahap kebolehpercayaan kajian, pengkaji telah melaksanakan beberapa langkah seperti memohon penyelia mengesahkan inventori soalan separa berstruktur sebelum inventori tersebut digunakan dalam temu bual bersama informan. Hal ini penting bagi memastikan keselarasan antara objektif kajian dan tema dengan persoalan kajian. Seterusnya, tema-tema akhir yang telah dibina turut dihantar kepada penyelia untuk tujuan pengesahan. Menurut Bogdan dan Biklen (2003) dalam Kamarul Azmi (2012), pengesahan daripada penyelia atau pakar bidang merupakan salah satu langkah bagi meningkatkan kebolehpercayaan dalam kajian kualitatif.

Hasil Kajian

Latar belakang Informan

Informan 1

Informan berusia 20 tahun dan berasal daripada Kedah. Menurut informan, beliau mula terjebak dengan tingkah laku seks sebelum pernikahan ketika sedang melanjutkan pengajian di sebuah kolej swasta yang terletak di Sungai Petani, Kedah. Di sana, beliau terpengaruh dengan pergaulan bebas rakan-rakan serumahnya yang sering membawa masuk teman lelaki mereka ke dalam rumah. Pada mulanya informan merasa tidak selesa dengan keadaan tersebut, tetapi lama kelamaan beliau telah terikut-ikut perlakuan mereka dan akhirnya terlanjur dengan teman lelakinya yang sudah dikenali sejak sekolah menengah lagi. Ketika ditemu bual, kandungan beliau sudah menjangkau tempoh 8 bulan dan dijangka akan bersalin tidak lama lagi.

Informan 2

Informan berusia 21 tahun dan berasal dari Selangor. Sebelum ini, informan mempunyai pekerjaan tetap sebagai operator pengeluaran di sebuah kilang elektronik di Shah Alam. Di kilang tersebut, informan mempunyai masalah dengan salah seorang rakan sekerja lelaki yang merupakan seorang warga asing. Menurut informan, lelaki tersebut sering menganggunya dan menyatakan bahawa beliau menyukai informan. Memandangkan informan sudah mempunyai teman lelaki, beliau merasa sangat benci dan tidak selesa setiap kali diganggu sehingga menyebabkan beliau sering memarahi lelaki tersebut di hadapan rakan-rakan sekerja yang lain. Pada suatu hari, informan merasakan dirinya seolah-olah dipukau sehingga menyebabkan beliau bersetuju untuk mengikut lelaki tersebut ke sebuah hotel dan melakukan persetubuhan dengannya. Setelah kejadian tersebut, informan disahkan hamil dan kini sedang menunggu masa untuk bersalin memandangkan tempoh kandungan sudah pun cukup sembilan bulan.

Informan 3

Informan berusia 20 tahun dan berasal dari Selangor. Sejak dulu, informan tidak mempunyai hubungan yang baik dengan kedua ibu bapanya kerana mereka sering memaksa informan untuk menghadiri kelas-kelas agama yang disifatkan sebagai ajaran sesat oleh informan. Oleh kerana hubungannya yang tidak baik dengan kedua ibu bapanya, informan sering belajar ilmu agama dengan teman lelakinya yang merupakan seorang pelajar sekolah agama. Sepanjang tempoh perkenalan mereka selama enam tahun, teman lelakinya pernah berjumpa dengan bapa informan untuk meminta izin menikahi informan tetapi, pinangan tersebut ditolak atas alasan mereka masih terlalu muda. Beberapa tahun selepas itu, mereka telah terlanjur buat kali pertama dan akhirnya informan disahkan hamil. Kini, usia kandungannya sudah hampir sembilan bulan dan beliau sedang menunggu masa untuk bersalin.

Informan 4

Informan berusia 22 tahun dan berasal dari Kuala Lumpur. Ibu bapa informan telah bercerai ketika beliau masih di bangku sekolah menengah dan sejak itu beliau serta adik beradiknya yang lain tinggal bersama ibunya. Informan kurang mendapat perhatian dan kasih sayang kedua ibu bapanya lantas terjebak dengan masalah penyalahgunaan dadah dan pengedaran dadah. Beliau hamil kerana telah dinodai oleh rakan beliau yang menjadi '*partner in crime*' bagi beliau dalam aktiviti pengedaran dadah. Kini, usia kandungan beliau sudah hampir lapan bulan.

Informan 5

Informan berusia 24 tahun dan berasal dari Selangor. Informan berkenalan dengan teman lelakinya melalui salah seorang rakan sekerjanya. Biar pun teman lelaki beliau tidak berkerja di tempat yang sama

dengannya, mereka selalu berhubung melalui telefon bimbit. Setelah sebulan mereka bercinta, teman lelaki informan mengajak beliau untuk melakukan hubungan seks. Setelah melakukan hubungan seks untuk kali pertama, barulah teman lelaki informan berterus terang bahawa beliau sudah berkahwin. Informan merasa sangat menyesal dan kecewa tetapi, oleh kerana terlalu sayang kepada teman lelakinya, informan masih meneruskan hubungan mereka. Sejak itu, mereka sudah acap kali melakukan hubungan seks dan informan sudah dua kali menggugurkan kandungan. Apabila beliau hamil kali ketiga, beliau tidak sempat menggugurkan kandungan kerana usia kandungan sudah melebihi tempoh empat bulan. Kini, sudah hampir dua tahun informan tinggal di pusat

perlindungan tersebut dan akan pulang ke pangkuan keluarganya tidak lama lagi.

Faktor Resilien Remaja Hamil tanpa Nikah

Dapatan kajian menunjukkan terdapat tiga tema utama yang merujuk kepada faktor-faktor yang mempengaruhi resilien dalam diri kesemua informan iaitu faktor keluarga, faktor komuniti atau persekitaran dan faktor individu. Setiap satu daripada tiga faktor tersebut dibahagikan kepada dua bahagian iaitu faktor risiko dan faktor pelindung bergantung kepada kesan yang diberikan terhadap tahap resilien dalam diri setiap informan. Jadual 1 menunjukkan faktor resilien remaja hamil tanpa nikah.

Jadual 1: *Faktor Resilien Remaja Hamil tanpa Nikah*

Hal ini terbukti melalui kajian oleh Zainah

Faktor Resilien	Faktor Risiko	Faktor Pelindung
Keluarga	<i>Maltreatment</i> oleh ibu bapa Konflik ibu bapa Masalah kewangan keluarga	Sokongan daripada keluarga
Komuniti/ Persekitaran	Masalah hubungan dengan penghuni-penghuni di pusat perlindungan. Dipaksa melakukan kerja-kerja berat di pusat perlindungan.	Aktiviti kerohanian di pusat perlindungan bantu hilangkan tekanan. Sokongan rakan-rakan dan ahli komuniti sebelum dimasukkan ke pusat perlindungan.
Individu	Tahap pendidikan rendah	Personaliti: 1. Kehematan (<i>Conscientiousness</i>) 2. Keterbukaan (<i>Openness</i>)

Faktor Keluarga

Faktor risiko

Menurut Luthar et al. (2014), faktor keluarga merupakan salah satu faktor utama yang boleh mempengaruhi tahap resilien dalam kalangan remaja berisiko.

et al. (2013) yang mendapati, aspek kefungsi keluarga mampu memberi kesan signifikan terhadap tahap resilien dalam kalangan penagih dadah yang sedang menjalani tempoh pemulihan. Manakala, satu lagi kajian oleh Nor Jumawaton et al. (2017)

melaporkan bahawa aspek perapatan (*attachment*) ibu bapa-anak mempunyai hubungan signifikan dengan sikap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah. Ini bermakna, remaja cenderung untuk terlibat dengan masalah tingkah laku seksual apabila ibu bapa kurang meluangkan masa berkualiti bersama mereka.

Faktor keluarga boleh menjadi faktor risiko bagi remaja apabila berlaku *maltreatment* atau didikan yang tidak baik dari ibu bapa, konflik antara ibu bapa dan masalah kewangan dalam keluarga. Melalui hasil temu bual, pengkaji mendapati bahawa tahap resilien dalam diri setiap informan adalah sangat berkait rapat dengan sokongan yang diterima daripada ahli keluarga masing-masing terutama sekali ibu bapa informan. Bagi Informan 2 dan 3, sikap ahli keluarga yang tidak dapat memaafkan mereka atas apa yang telah berlaku sering menyebabkan mereka merasa tertekan dan sukar untuk berhadapan dengan cabaran.

Hal ini dilihat paling ketara dalam kes Informan 3 yang sememangnya tidak mempunyai hubungan baik dengan kedua ibu bapanya. Menurut Informan 3, beliau sering merasa sedih kerana tidak mendapat sokongan daripada kedua ibu bapanya untuk menempuhi tempoh kehamilan yang dirasakan agak mencabar. Beliau juga sering merasa kecewa kerana ibu bapa beliau tidak pernah datang melawat beliau setelah dimasukkan ke pusat perlindungan;

Diorang [ibu bapa] kuranglah [beri sokongan]. Memang kurang... yang saya paling sedih, masa saya masuk hospital masa itu, saya harapkan mak ayah saya datang. Kalau ayah saya tak datang pun tak apa, time tu dia tengah kerja. Tapi at least saya

harap mak saya datang. Tapi, mak saya tak datang. Banyak kali dia tak datang... diorang bagi alasan macam-macam. Saya nak je cakap [pada mak ayah] "Kenapa? Dah jijik sangat ke nak tengok anak sendiri?" Sebab dekat Al-Quran kan ada cakap, orang yang berzina ini lagi teruk daripada anjing kan. Ayah saya pernah bagi ayat itu dekat saya. Bila diorang tak nak jumpa je, saya mesti fikir macam itu. Macam jijik sangat ke aku ini. Aku seorang je ke yang buat dosa.

Menurut informan lagi, sikap yang ditunjukkan oleh kedua ibu bapa beliau menyebabkan beliau sudah tidak mahu berfikir tentang masa hadapan dan ingin terus hidup berjauhan dengan keluarga beliau;

Saya kurang fikir [tentang masa depan], jenis saya lantak [biar] la nak jadi apa. [Saya fikir] macam itu sekarang. Saya dah malas nak fikir, saya fikir nak bersalin, nak jaga budak [bayi dalam kandungan] ini, lepas itu kalau boleh duduk sini [pusat perlindungan] lagi, saya tak kisah. Sebab saya fikir aku lebih rela duduk sini daripada aku duduk dengan mak ayah aku yang banyak celoteh.

Seterusnya, konflik antara kedua ibu bapa dan masalah kewangan juga dilihat sebagai salah satu faktor risiko yang memberi kesan terhadap tahap resilien dalam diri informan. Misalnya dalam kes Informan 4, beliau menyatakan bahawa antara faktor yang menjadi punca beliau boleh terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan seterusnya aktiviti seks sebelum pernikahan adalah kerana ibu bapa beliau sudah bercerai dan keluarga beliau sering mengalami masalah kewangan. Justeru, beliau

terpaksa berusaha mencari wang sendiri dengan berkerja sebagai pelayan di hotel dan mengedar dadah secara *part time* kerana tidak mahu membebankan ibu beliau;

Masa itu saya ada masalah kewangan... duit dan keluarga. Mak ayah saya sudah berpecah [bercerai]. Saya dari sekolah lagi jenis saya usaha sendirilah apa yang saya nak sebab saya tahu mak saya susah kena cari duit seorang diri, kami pun bukan dari keluarga yang senang. Jadi, saya kerja macam biasa. Benda ni [mengedar dadah] saya buat jadi part time je.

Faktor Pelindung

Manakala, bagi tiga lagi informan iaitu Informan 1, 2 dan 5 sokongan yang diterima daripada keluarga masing-masing dilihat sebagai faktor pelindung yang dapat membantu mereka untuk berhadapan dengan cabaran dan tekanan yang dialami dengan lebih baik. Menurut Informan 5, sokongan serta kata-kata semangat yang diberikan oleh ibu dan kakak beliau banyak membantu beliau untuk berfikiran positif dalam menempuhi cabaran setelah bergelar ibu hamil tanpa nikah;

“Saya sangat hargai pengorbanan keluarga saya. Yelah banyak habiskan wang ringgit, banyak luangkan masa untuk saya... datang melawat every month. Kalau saya ada masalah ke apa, diorang bagi support, kata-kata semangat untuk saya supaya saya tak berfikir secara negatif.”

Selain itu, sokongan yang diterima daripada keluarga juga banyak membantu informan untuk mengembalikan semula semangat untuk meneruskan kehidupan. Menurut Informan 5, walaupun peristiwa

yang berlaku menyebabkan beliau merasa sedih kerana telah melukakan hati banyak pihak. Namun, beliau merasa bersyukur kerana telah diberikan peluang kedua untuk berubah menjadi insan yang lebih baik dan beliau berharap agar beliau dapat membalas semula jasa keluarga beliau setelah dibenarkan keluar daripada pusat perlindungan kelak;

Tapi saya bersyukurlah, apa jadi ini walaupun malu, semua rasa ada... rasa macam sedih sakitkan hati ramai orang tapi saya rasa bersyukurlah Allah dah bagi peluang kedua untuk saya berubah. Kalau tak jadi macam ini, sampai bila saya tak tahu untuk saya berubah. Sebab tu saya saya nak balas balik jasa keluarga saya yang banyak tolong saya.

Faktor Komuniti atau Persekitaran

Faktor risiko

Hasil temu bual mendapati, tiga daripada lima informan berpendapat bahawa keadaan persekitaran di pusat perlindungan tidak begitu membantu informan untuk berhadapan dengan tekanan yang dialami sebaliknya ianya hanya membantu untuk merahsiakan kehamilan informan daripada orang-orang sekeliling sahaja. Hal ini dinyatakan oleh Informan 1 seperti berikut;

“Erm, keadaan kat sini takdelah dapat membantu sangat untuk saya kurangkan stres tu... tapi dia membantu dari segi untuk elak lebih ramai orang dapat tahu tentang keadaan saya ni lah.”

Selain itu menurut Informan 3, beliau merasa sangat tertekan dengan keadaan persekitaran di pusat perlindungan kerana beliau mempunyai hubungan yang tidak begitu akrab dengan penghuni-penghuni lain dan merasa tertekan kerana dipaksa untuk membuat kerja-kerja berat seperti

mengangkat tong gas dan beras biarpun beliau sedang sarat mengandung. Keadaan tersebut menyebabkan beliau membuat keputusan untuk cuba melarikan diri dari pusat perlindungan tersebut;

Memang la kalau kita mengandung ni tak boleh manjakan sangat. Tapi perlu ke sampai suruh saya angkat tong gas, angkat beras 10kg itu sampai dua guni sekali gus... naik turun tangga. Kira macam-macam la. Time itu saya frust. So saya lari... saya lari saya terus pergi balai [polis].

Walaupun bagaimanapun, cubaan Informan 3 untuk melarikan diri tersebut gagal apabila pihak polis membawa informan pulang ke pusat perlindungan. Setelah berbincang dengan pihak pengurusan, pihak polis membuat keputusan untuk memberi informan tempoh masa untuk bertenang. Sejak itu, informan sudah tidak lagi cuba melarikan diri, tetapi informan lebih banyak menghabiskan masa bersendirian.

Lepas itu polis bawak saya balik rumah perlindungan, polis cakap - cakap [dengan staf]. Tapi, pengurusan kata "Tak apa bagi je dia[informan] dekat sini [pusat perlindungan] suruh dia bersabar dulu". Macam itu je. Start daripada itu saya buat hal sendiri jelah. Saya pun tak banyak bergaul sangat.

Faktor pelindung

Walau bagaimanapun, terdapat juga informan lain yang berpendapat bahawa aktiviti-aktiviti yang dilakukan sepanjang berada di pusat perlindungan tersebut dapat membantu informan untuk menjadi lebih kuat untuk berhadapan dengan cabaran-cabaran yang terpaksa ditempuhi. Hal ini boleh dianggap sebagai faktor

pelindung yang dapat membantu meningkatkan tahap resilien dalam diri informan. Menurut Informan 4, program-program ibadah yang dilaksanakan di pusat perlindungan tersebut banyak membantu beliau untuk mengatasi masalah ketagihan dadah yang beliau alami. Dengan memperbanyakkan amal ibadah beliau mampu mengatasi masalah tersebut dan merasa keadaan diri beliau menjadi lebih baik berbanding sebelum ini;

Alhamdulillah di sini [pusat perlindungan] sembahyang, qiam, semua buat. Lepas itu jangan duduk seorang. Kita ada bilik - bilik... kita ada kawan-kawan... Masa dua minggu masuk sini, saya rasa nak [ambil dadah]. [Tapi] saya kuatkan[diri]. Buat aktiviti, busy kan diri... happy kan diri. Macam itu je lah. Alhamdulillah sampai sekarang ok... dah tak fikir la benda [dadah] itu lagi.

Selain itu, terdapat juga informan lain seperti Informan 2 dan 3 yang mendapatkan sokongan sosial dari rakan-rakan dan orang di sekeliling mereka dalam tempoh sebelum mereka dimasukkan ke pusat perlindungan. Menurut Informan 2, sepanjang tempoh tujuh bulan beliau berusaha merahsiakan kehamilan daripada pengetahuan keluarga, beliau mendapat banyak sokongan sosial daripada rakan-rakan sekerja yang banyak memberi nasihat, kata-kata semangat untuk membantu beliau mengurangkan tekanan yang dihadapi kerana terpaksa merahsiakan keadaan beliau daripada keluarga;

Kawan-kawan dengan ada dua orang akak kat tempat kerja la yang banyak bagi sokongan kat saya. Mula-mula kawan cakap bagi tahu je [kepada keluarga tentang kandungan]. Lepas tu ada akak tu kat tempat kerja saya

rapat dengan dia. Cerita pun time tu saya dah lima bulan. Dia pun terkejut. Lepas tu dekat akak lagi satu tu dia awal-awal dah tahu dah semua tu [tentang kehamilan]. Akak tu pun ada cakap bagi tahu la family semua tu. [Saya] memang nak bagi tahu tapi tak sedia.

Faktor Individu

Faktor risiko

Kajian oleh Paiesa (2017) berpendapat, bahwa kepintaran (*intelligence*) merupakan salah satu faktor individu yang memberi kesan terhadap pembentukan tahap resilien dalam diri individu. Melihat kepada latar belakang pendidikan kesemua informan yang terlibat dalam kajian ini, pengkaji mendapati bahawa rata-rata informan hanya mendapat pendidikan tertinggi di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) kecuali dua orang informan yang mendapat pendidikan di peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). Dapatan ini menunjukkan bahawa tahap pendidikan informan yang agak rendah merupakan salah satu faktor risiko yang menyebabkan informan boleh terjebak dengan masalah tingkah laku seksual (Wittrup, 2014).

Faktor pelindung

Menurut McCarthy (2009), personaliti atau peribadi seseorang merupakan salah satu faktor individu yang dapat mempengaruhi perkembangan tahap resilien dalam diri individu tersebut setiap kali berhadapan dengan sebarang masalah. Antara tret personaliti positif yang dapat berfungsi sebagai faktor pelindung adalah sikap kehematan (*conscientiousness*) dan keterbukaan (*openness*). Bagi individu yang mempunyai tret personaliti kehematan, mereka merupakan seorang peka terhadap kesan tindakan atau perlakuan mereka terhadap orang-orang di sekeliling mereka. Manakala, individu yang bersikap terbuka lebih mudah menerima setiap perkara yang

berlaku dan mampu melihat sudut positif di sebalik sesuatu kejadian.

Berdasarkan temu bual yang dijalankan, pengkaji mendapati tiga daripada lima informan mempunyai tret personaliti positif iaitu kehematan. Salah seorang daripada informan tersebut adalah Informan 1 di mana beliau telah menyedari kesan kesilapannya sebelum ini terhadap keluarga beliau. Kesedaran tersebut membuatkan beliau berazam untuk tidak mengulangi lagi kesilapan yang lalu dan akan berusaha untuk melakukan yang terbaik agar dapat membanggakan ahli-ahli keluarga terutama kedua ibu bapa beliau;

Erm... saya akan cuba yang terbaik lah untuk bangga mak ayah... sebab mak ayah dah bagi peluang untuk saya sambung belajar dan masih percaya pada saya. Saya harap, bila keluar [daripada pusat perlindungan] nanti saya takkan balik [melakukan seks dengan teman lelaki] lagi macam ni lah. Saya tak nak ulang lagi silap yang lepas tu.

Selain itu, pengkaji juga mendapati bahawa terdapat empat daripada lima informan iaitu Informan 1, 3, 4 dan 5 yang mempunyai sikap terbuka dalam menghadapi cabaran-cabaran setelah bergelar ibu hamil tanpa nikah. Misalnya, dalam kes Informan 4, beliau mengakui bahawa untuk menyesuaikan diri di pusat perlindungan merupakan salah satu cabaran untuk diri beliau. Namun, sifat keterbukaan yang ada dalam diri beliau dapat membantu beliau mengikhlaskan diri ketika berada di pusat perlindungan tersebut dan melihat keberadaan beliau di situ sebagai satu peluang berharga untuk berubah menjadi insan yang lebih baik;

Duduk sini [pusat perlindungan], tipulah kalau tak bosan, tak ada TV. Sebelum ini kita hidup dekat luar macam mana. Tapi saya cuba

mengikhlaskan diri saya untuk belajar di sini, cari ilmu agama. Mungkin inilah peluang saya. Dekat luar sana memang ada lagi peluang. Tapi peluang hanya sekali... banyak-banyak peluang pun, bukan senang nak dapat macam peluang yang pertama. Mungkin even ada yang kedua pun, tak sama. Tapi apa-apa yang jadi dekat sini dengan kawan - kawan, semua adat. Dekat luar [pusat perlindungan] pun kawan macam ini [di sini] juga... mulut macam ini [suka mengumpat] . Biasalah kan... yang penting ada peluang carilah ilmu agama.

Perbincangan

Penemuan kajian mendapati terdapat tiga faktor utama yang boleh memberi kesan terhadap tahap resilien dalam kalangan remaja hamil tanpa nikah iaitu faktor keluarga, faktor komuniti dan faktor individu. Dapatan ini seiring dengan kajian-kajian terdahulu yang mengkaji berkenaan faktor-faktor yang boleh memberi pengaruh terhadap tahap resilien dalam kalangan remaja berisiko. Misalnya, bagi faktor pertama iaitu faktor individu, kajian oleh Luthar et al. (2014) telah membuktikan bahawa faktor keluarga merupakan antara faktor terpenting yang dapat mempengaruhi pembentukan resilien dalam diri individu. Hal ini kerana, sokongan daripada ahli keluarga terdekat terutama ibu bapa boleh berfungsi sebagai faktor pelindung yang membantu individu bangkit dari sebarang peristiwa menekan.

Melihat kepada beberapa kes yang signifikan di dalam kajian ini, pengkaji mendapati kerelevanan kenyataan oleh Luthar et al. (2014) tersebut. Sebagai contoh, kes Informan 1 di mana beliau menyatakan bahawa sokongan daripada keluarga telah memberi beliau semangat untuk membina kehidupan baru yang lebih bermakna pada masa hadapan. Sokongan

daripada keluarga juga membuatkan beliau berazam untuk tidak mengulangi lagi kesilapan yang lalu.

Namun, bagi informan yang berhadapan dengan masalah keluarga seperti *maltreatment* oleh ibu bapa, konflik ibu bapa dan masalah kewangan keluarga, ianya boleh diklasifikasikan sebagai faktor risiko yang membuatkan informan merasa lebih tertekan dan sukar untuk berhadapan dengan cabaran (Haningrum et al., 2014). Sebagai contoh, dalam kes Informan 3, beliau merasa lebih tertekan dan sukar untuk berhadapan dengan cabaran kerana tidak mendapat sokongan daripada ibu bapa beliau.

Bagi faktor seterusnya iaitu faktor komuniti atau persekitaran, pengkaji mendapati bahawa faktor persekitaran di pusat perlindungan yang melibatkan masalah hubungan dengan penghuni-penghuni di pusat perlindungan serta tugas yang perlu dilakukan sepanjang berada di pusat perlindungan menjadi faktor risiko yang memberi kesan negatif terhadap gambaran tahap resilien bagi sesetengah informan (Nor Jana et al., 2013). Hal ini dilihat jelas melalui verbatim oleh Informan 3 yang menyatakan bahawa beliau pernah lari daripada pusat perlindungan kerana dipaksa melakukan kerja-kerja berat di pusat perlindungan.

Walau bagaimanapun, terdapat juga informan lain yang berpendapat sebaliknya. Sebagai contoh, dalam kes Informan 4, beliau menyatakan bahawa aktiviti-aktiviti kerohanian yang dilakukan sepanjang berada di pusat perlindungan dapat berfungsi sebagai faktor pelindung yang membantu beliau merasa lebih tenang sewaktu berhadapan dengan tekanan. Selain itu, sokongan yang diterima daripada rakan-rakan dan komuniti sebelum informan dimasukkan ke pusat perlindungan turut berfungsi sebagai faktor pelindung bagi informan-informan yang

tidak mendapat sokongan sosial daripada keluarga masing-masing seperti Informan 2 dan 3.

Paiesa (2017) berpendapat bahawa faktor kepintaran merupakan faktor individu yang dapat mempengaruhi pembentukan tahap resilien dalam diri individu. Pengkaji bersetuju dengan pernyataan tersebut kerana berdasarkan latar belakang pendidikan kesemua informan yang terlibat dalam kajian ini, pengkaji mendapati bahawa rata-rata informan hanya mendapat pendidikan tertinggi di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sahaja kecuali dua orang informan yang mendapat pendidikan di peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). Dapatan ini menunjukkan bahawa tahap pendidikan informan yang agak rendah merupakan salah satu faktor risiko yang menyebabkan informan boleh terjebak dengan tingkah laku seks sebelum pernikahan.

Hal ini bertepatan dengan dapatan kajian oleh Wittrup (2014) yang mendapati, terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pencapaian akademik dan tingkah laku seksual berisiko dalam kalangan remaja. Dapatan daripada kajian tersebut menunjukkan bahawa, individu dengan tahap pencapaian akademik yang rendah cenderung untuk terlibat dalam tingkah laku seksual berisiko seperti kerap mengadakan hubungan seks tanpa perlindungan. Menurut pengkaji, remaja yang tidak mementingkan pencapaian akademik atau tidak mampu memperoleh keputusan cemerlang dalam pelajaran akan cenderung mencari perkara lain untuk meningkatkan nilai diri (*self-enhancement*) mereka. Hal ini termasuklah melibatkan diri dalam tingkah laku seks berisiko.

Namun, bagi sesetengah informan yang menunjukkan ciri-ciri individu dengan tret personaliti positif iaitu sikap kehematan dan keterbukaan, ianya dilihat sebagai faktor pelindung dalam diri informan yang dapat membantu informan berhadapan

dengan tekanan dengan lebih baik (McCarthy, 2009).

Justeru, pengkaji berharap agar dapatan kajian ini dapat digunakan sebagai panduan kepada pihak-pihak tertentu terutamanya pihak pengurusan pusat perlindungan dalam merangka pelan intervensi yang mengambil kira ketiga-tiga faktor resilien dalam kalangan ibu hamil tanpa nikah. Misalnya, bagi faktor keluarga, pengkaji berharap agar dapatan kajian ini dapat memberi gambaran bagaimana penglibatan ibu bapa atau sokongan keluarga dapat menjadi faktor pelindung yang sangat memainkan peranan dalam membantu meningkatkan tahap resilien golongan remaja hamil tanpa nikah. Justeru, pengkaji menyarankan agar pihak pengurusan rumah perlindungan dapat berkerjasama dengan golongan profesional di negara ini seperti pakar bidang psikologi dan kerja sosial bagi merangka satu modul intervensi yang lebih holistik serta berkesan dalam memperkasa golongan ibu hamil tanpa nikah.

Modul intervensi tersebut perlulah merangkumi aspek-aspek penting seperti membantu mengeratkan hubungan antara penghuni rumah perlindungan dengan keluarga atau ibu bapa mereka. Langkah ini dapat dilaksanakan dengan merancang program khas untuk ibu bapa penghuni serta menggalakkan penglibatan ibu bapa penghuni dalam aktiviti mahupun program intervensi yang dilaksanakan di pusat perlindungan. Justeru itu, langkah ini juga diharap dapat membantu dalam mengurangkan kebarangkalian ibu bapa untuk 'lepas tangan' setelah memasukkan anak mereka ke pusat perlindungan.

Selain itu, aspek pengukuhan hubungan interpersonal antara penghuni dengan orang di sekeliling mereka termasuklah staf pusat perlindungan, rakan dan komuniti juga perlu di muatkan di dalam modul intervensi tersebut. Manakala, pihak berkuasa tempatan juga boleh memainkan

peranan dari segi membuat pemantauan berkala pada setiap tahun dan mewujudkan satu garis panduan khas berkaitan aktiviti/program yang dilaksanakan serta peraturan-peraturan yang ditetapkan di pusat perlindungan. Hal ini kerana, langkah-langkah tersebut perlu bagi memastikan keadaan persekitaran di pusat perlindungan dapat membantu meningkatkan keberkesanan intervensi yang dijalankan dan seterusnya meningkatkan tahap resilien dalam diri penghuni.

Seterusnya, bagi faktor individu pula, tahap resilien dalam diri penghuni akan dapat ditingkatkan melalui pelaksanaan program-program seperti kelas akademik, vokasional, keusahawanan dan program psikologi/motivasi (Nor Jana et al., 2016). Pelaksanaan program-program seperti ini perlu bagi menjamin kelangsungan hidup penghuni setelah keluar daripada pusat perlindungan.

Di kebanyakan negara-negara barat seperti Perancis, Sweden, United Kingdom dan Canada, pihak kerajaan banyak merangka program untuk membantu golongan remaja hamil dengan mengadakan latihan vokasional, pendidikan, mencari pekerjaan dan bantuan pengangguran (Boonstra, 2002 dalam Norulhuda et al., 2012). Program-program tersebut direncanakan bagi membantu remaja untuk merancang masa hadapan dan membina kemampuan dalam diri remaja untuk menjaga anak mereka sendiri setelah setelah bayi dalam kandungan mereka dilahirkan.

Hal ini dilihat sangat berbeza dengan keadaan di Malaysia, di mana pihak kerajaan hanya merangka pelan intervensi untuk jangka masa pendek iaitu dengan memberi pilihan kepada remaja hamil luar nikah sama ada untuk berada di pusat perlindungan kerajaan mahupun NGO sepanjang tempoh kehamilan, mendaftarkan anak yang bakal lahir kepada keluarga angkat melalui akta

pengangkatan anak atau pun remaja itu sendiri diletakkan di bawah jagaan ibu bapa di rumah (Norulhuda et al., 2012). Hal ini menyebabkan remaja merasa tiada harapan (*hopeless*) dan tidak punya banyak pilihan. Akhirnya, mereka terpaksa berhadapan dengan tekanan yang lebih hebat apabila terpaksa berpisah dengan anak yang baru dilahirkan kerana tidak diberi kebenaran oleh ibu bapa atau penjaga mereka untuk membesarkan bayi tersebut.

Justeru, pengkaji menyarankan agar pihak berkuasa bersikap lebih terbuka dengan mengambil contoh pelaksanaan intervensi-intervensi yang dirangka oleh negara-negara maju dalam usaha membantu golongan remaja hamil tanpa nikah. Hal ini penting agar remaja-remaja yang telah terlanjur ini dapat merasai *sense of control* terhadap diri dan kehidupan mereka serta belajar untuk mengambil tanggungjawab terhadap kesan setiap tindakan yang telah mereka lakukan dengan kaedah yang lebih positif serta membina diri mereka untuk masa hadapan yang lebih baik.

Pengkaji juga berharap agar dapatan kajian ini dapat menjadi iktibar kepada informan sendiri serta golongan-golongan remaja di luar sana yang kini sedang hebat diuji oleh pelbagai dugaan dan cabaran dalam meniti usia dewasa. Melalui perkongsian pengalaman ini, para remaja diharap lebih berhati-hati dalam setiap tindak tanduk mereka dan sentiasa melengkapkan diri dengan ilmu-ilmu pengetahuan yang dapat membantu mereka mengelak daripada terjebak dengan gejala seks bebas sebelum perkahwinan.

Bagi menambah mutu kajian berkaitan isu hamil tanpa nikah pada masa akan datang, pengkaji menyarankan agar pemilihan informan tidak terhad kepada penghuni pusat perlindungan sahaja, tetapi juga individu-individu signifikan yang berada di sekeliling mereka seperti ibu bapa, ahli

keluarga terdekat, sahabat karib atau staf-staf di pusat perlindungan untuk mengenal pasti persepsi mereka terhadap ibu hamil tanpa nikah.

Kesimpulan

Berdasarkan penjelasan di atas, dapat disimpulkan bahawa ketiga-tiga faktor iaitu faktor keluarga, faktor komuniti/persekitaran dan faktor individu sememangnya mampu memberi kesan yang mendalam terhadap tahap resilien dalam diri remaja hamil tanpa nikah. Justeru, semua pihak termasuklah golongan ibu bapa, pihak pengurusan pusat perlindungan, komuniti dan juga pihak berkuasa haruslah saling bekerjasama dalam usaha memperkasa serta meningkatkan tahap resilien dalam kalangan ibu hamil tanpa nikah. Hal ini kerana, dengan adanya tahap resilien yang tinggi, diharap ianya dapat membantu mengurangkan kebarangkalian berlakunya *relapsed* dalam kalangan bekas penghuni pusat perlindungan. Selain itu, perkara ini juga penting bagi membantu golongan ibu hamil tanpa nikah supaya dapat kembali ke dalam masyarakat di samping memastikan nasib zuriat yang dilahirkan terbelah.

Penghargaan

Kajian ini telah mendapat sokongan dan pembiayaan oleh AWQAF Holdings Berhad melalui Geran Penyelidikan ZuriatCARE kod penyelidikan: SK-2018-015. Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada Pusat Perlindungan Wanita Darul Wardah Shah Alam dan semua yang telah terlibat dalam menjayakan kajian ini.

Rujukan

Adibah Bahori & Siti Zubaidah Ismail. (2018). Kehamilan luar nikah dari perspektif undang-undang jenayah syariah di Malaysia dan pengawalannya melalui program pencegahan. *Research Gate*, 21, 1-15.

- Anon. (2016). 3980 remaja hamil anak luar nikah. *Utusan Online*, 9 September. <https://www.utusan.com.my/berita/nasional/3-980-remaja-hamil-anak-luar-nikah-1.380841> [10 September 2016].
- Azizah Hamzah. (2004). Kaedah kualitatif dalam penyelidikan sosiobudaya. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 6(1), 1-10.
- Bernard, B. (2004). *Resiliency: what have we learned*. San Francisco, CA: WestEd.
- Bogdan, R.C. & Biklen, S.K. (2003). *Qualitative research for education: An introduction to theory and methods*. Boston: Allyn & Bacon.
- Braun, V. & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative research in psychology. AISHE Journal*, 3,77-101
- Connor, K.M. (2006). Assesment of resilience in the aftermath of trauma. *Journal of Clinical Psychiatry*, 67(2), 46-49.
- Creswell, J.W. (2007). *Qualitative Inquiry and Research Design*. Edisi ke-2. Sage Publications.
- Hayisama Ibrohem. (2017). Behavioural problems in relation to social well-being and resilience among adolescents in South Thailand (Patani). *Doctoral thesis*, Aligarh Muslim University.
- Haningrum Redna Drajat, Salmah Lilik & Rin Widya Agustin. (2014). Resiliensi pada remaja yang hamil di luar nikah. *Jurnal Ilmiah Psikologi Candradiwa*, 3(1), 22-37.
- Hognas, R.S & Carlson, J.M. (2012). "Like parent, like child?": The

- intergenerational transmission of nonmarital childbearing. *Elsevier Social Science Research*, 41(2), 1480-1494.
- Irmohizam Ibrahim & Muhammad Hussin. (2016). Tahap daya tahan dalam kalangan pelajar IPTA di Malaysia dan di luar negara. *Jurnal Personalia Pelajar*, 19(1), 75-85.
- Karina, C. (2014). Resiliensi remaja yang memiliki orangtua bercerai. *Jurnal Online Psikologi*, 2(1), 46-62.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian kualitatif in *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012* at Puteri Resort Melaka on 28-29 Mac 2012.
- Khadijah Alavi, Salina Nen, Fauziah Ibrahim, Noremy Md. Akhir, Mohd Suhaimi Mohamad & Noorhasliza Mohd Nordin. (2012). Hamil luar nikah dalam kalangan remaja. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(1), 131-140.
- Khanlou, N. & Wray, R. (2014). A whole community approach toward child and youth resilience promotion: a review of resilience literature. *International Journal on Mental Health Addiction*, 12, 64–79.
- Lazarus, A. (2004). Relationship among indicators of child and family resilience and adjustment following the september 11, 2001 tragedy. *The Emory Center for Myth and Ritual in American Life*. Working Paper No.36.
- Luthar, S.S., Lyman, E.L. & Crossman, E.J. (2014). *Handbook of Developmental Psychopathology*. Edisi ketiga. New York: Springer.
- Maravilla, J.C., Betts, K.S., Cruza, C.C. & Alati, R. (2017). Factors influencing repeated teenage pregnancy: a review and meta-analysis. *American Journal of Obstetrics & Gynecology*, 217(5), 527–545.
- McCarthy, L. (2009). Resilience factors in children and the adlerian concept of social interest. *A Research Paper Presented to The Faculty of the Adler Graduate School*, tidak diterbitkan.
- Mohd Salmi Osman, Maria Chong Abdullah, Abdul Aziz Ismail & Samsilah Roslan. (2015). Daya tahan dalam kalangan guru alaf 21. *International Journal of Education and Training*, 1(2), 1-9.
- Mothiba, T.M & Maputle, M.S. (2012). Factors contributing to teenage pregnancy in the Capricorn district of the Limpopo Province. *Curationis*, 35(1), 1-5.
- Mushwana, L., Monareng, L., Ritcher, S. & Helene Muller. (2015). Factors influencing the adolescent pregnancy rate in the Greater Giyani Municipality, Limpopo Province-South Africa. *International Journal of Africa Nursing Sciences*, 2, 10-18.
- Nadia Hamid & Nor Ain Mohamed Radhi. (2018). Remaja hamil luar nikah diminta dapatkan bantuan. *Berita Harian Online*, 14 Oktober. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/10/486811/remaja-hamil-luar-nikah-diminta-dapatkan-bantuan> [16 Oktober 2018].
- Nadia Refilia Dewi & Wiwin Hendriani. (2014). Faktor protektif untuk mencapai resiliensi pada remaja setelah perceraian orangtua. *Jurnal*

Psikologi Klinis dan Kesehatan Mental, 3(3), 37-43.

Nasution, S. M. (2011). *Resiliensi daya pegas menghadapi trauma kehidupan*. Medan: USU Press.

Nor Jana Saim, Dufaker, M., Eriksson, M. & Ghazinour, M. (2013). Listen to the voices of unwed teenage mothers in Malaysian shelter homes: an explorative study. *Global Journal of Health Science*, 5(5), 1916-9744.

Nor Jana Saim, Dufaker, M., Eriksson, M. & Ghazinour, M. (2014). Teenagers' experiences of pregnancy and the parents' and partners' reactions: a Malaysian perspective. *Journal of Family Violence*, 29(4), 465–472.

Nor Jana Saim, Ghazinour, M. & Richter, J. (2016). Mental health predicted by coping, social support, and resilience among young unwed pregnant Malaysian women and mothers living in shelter homes. *International Journal of Human Rights in Healthcare*, 5(3), 185 – 197.

Nor Jumawaton Shahrudin, Mariani, Mansor, Zainal Madon & Hanina Halimatusaadia Hamsan. (2017). Hubungan di antara perapatan ibu bapa-anak dan estim diri dengan sikap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 31(2), 57 – 67.

Norulhuda Sarnon, Mohd Suhaimi Mohamad, Fauziah Ibrahim, Khadijah Alavi, Salina Nen, Suzana Mohd Hoesni, Zaizul Rahman, & Wan Azreena. (2012). Hamil luar nikah: memahami remaja sebagai asas intervensi keluarga. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(1), 121-130.